

# Pas akan putar belit

UM23 JUN 2003

LANGKAWI 22 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya, parti Pas akan terus memutar belit ucapan beliau termasuk ucapan penutupnya pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 semalam dan menggunakannya untuk kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak hairan dengan taktik seperti itu kerana Pas sememangnya mahir dalam memutar belit kenyataannya seperti yang pernah mereka lakukan sebelum ini.

“Pas memang ahli dalam putar belit, saya yakin Pas

akan putar belit (ucapan saya mengenai Pas dalam Perhimpunan Agung UMNO).

“(Sebelum ini) saya (pernah) kata pemimpin parti itu menghina Nabi tetapi dia boleh kata saya (pula yang menghina nabi,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat di sini hari ini, selepas melakukan lawatan peribadi.

Dalam ucapan penutup di Perhimpunan Agung UMNO ke-54 semalam, Dr. Mahathir yang juga Presi-

## ucapan saya — Mahathir

den UMNO telah meminta ahli-ahli UMNO supaya tidak berasa rendah diri untuk menentang Pas kerana UMNO mempejuangkan Islam yang sebenar.

Beliau juga meminta ahli-ahli UMNO memberikan tumpuan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan Pas akibat menyalahafsirkan ajaran Islam.

Perdana Menteri menegaskan, pemikiran ahli-ahli Pas tidak boleh diubah lagi kerana pemikiran mereka telah disematkan (*brainwashed* supaya tetap menyoko-

ng parti itu walaupun salah laku mereka terhadap Islam didedahkan daripada semasa ke semasa.

“Ahli Pas dah di *brainwashed* dah tak boleh nak diubah. Sebab itu apabila pemimpin mereka (Datuk) Nik Abdul Aziz Nik Mat kata tuhan mencarut, tuhan samseng, para pengikut mereka tetap berkata kenyataan itu betul.

“Jadi kita tak boleh buat apa-apa dah (untuk betulkan pendirian anggota Pas),” katanya.